*Siri Legenda*

# Perjalanan Hidup




## RAMLI SARIP

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

## DILEMA

Lorong ini sunyi sepi
Inginku tanya pada siapa
Kau yang pergi, kumencari
Dan merata tidak bersua

Kau yang membuatku dalam delima
Pulanglah agar terhapus derita

Yang kualami

Letih lesu tubuh ini
Haruskah aku terus mencari
Kau turutkan hati muda
Lalu menghilang tanpa berita

## PERJALANAN HIDUP

Aku yang masih di perjalanan hidup ini
Begitu lama berlegar di persimpangan dunia
Merempuh jarak dan menempuh titian
Rimba dan lautan
Mencari sesuatu yang abadi

Aku yang masih di perhentian hidup ini
Begitu jauh menggembara ke serata dunia
Mengejar siang dan malam
Surut dan pasang
Mencari sesuatu kebebasan
Mencari sesuatu kedamaian

Di mana berakhirnya
Perjalananku ini
Esok dan lusa bukan milikku
Oh Tuhanku
Lindungilah hambamu yang hina ini
Aku setia hanya padamu
Oh Tuhanku

## MANUSIA

Di dalam dunia banyak ragam manusia
Ada miskin papa dan kaya raya
Ada yang congah ada yang ramah tamah
Ada yang ingat apa pula yang lupa

Tapi itu semua sifat manusia
Yang tiada sempurna kerana ia lemah
Semua manusia sering berbuat salah
Disengajakan ataupun tidak

Di dalam dunia kita hanya sementara
Dari itu kita harus sayang menyayang
Memberi maaf dengan tulus dan ikhlas

## ORANG KOTA

Wahai orang kota apakah dikau sedar
Cara hidup kita kini makin berubah
Adat ketimuran makin kita lupakan
Cara kebaratan kini jadi ikutan

Kaya harta miskin budi bahasa
Tiap senyuman punya harga
Tepuk dada tanya selera
O kota manakah tujuan kita

Ingin kau jadi New York?
Jadi orang asing
Hidup tanpa batasan
Jahil tentang halal haram
Kononnya itulah kemajuan
Tak mahu diri ditertawakan
O Kota inikah yang kau mahu

## KUMILIKI BAYANGMU

Sejauh mana dapat kita berlari
Sejauh mana dapat kita menghindari
Dari kerinduan bila berjauhan
Sering datang di mataku

Deburan ombak mengganti suaramu
Nyanyian camar lagu untukmu
Tapi aku sepi hilang pengganti
Hanya tinggal dalam penantian abadi

Kasih sayang tiada arti
Bila membakar diri sendiri
Apalah kerinduan andai tiada kesetiaan

Di batas ini kita berdiri
Basah matamu mengharu hati

Ini pengorbanan ini ketentuan
Apa yang kini kumiliki bayangmu

## TERJERAT

Setiap jejak jejak setiap langkah langkah
Kini luput bersama arus hidupmu
Engkau terpesong jauh cari hakikat alam
Membawa dirimu ke jurang yang dalam

Tidak engkau indahkan, tak engkau pedulikan
Kata mereka yang menyayang
Engkau senang begini bermain dengan dosa
Bermain dengan noda

Kau terjerat tertipu
Dengan keindahnnya
Kau terjerat keliru
Dengan warna dunia

Mahukah kau kembali, mahukah kau sedari
Bahawa kenyataan tetap kenyataan
Mahukah kau akui, mahukah kau mengerti
Bahawa kesilapan tetap kesilapan

Dengan dosa dosamu dengan noda nodamu
Sanggupkah kau hadapi dunia
Usah terus berkhayal usah terus dibuai
Oleh dosa dan noda

## DADAH MERBAHAYA

Awas dadah merbahaya
Trajedi merata dunia
Membawa kita ke lembah sengsara
Wajah memucat letih dan lesu

Suntikan jarum neraka
Membawa ke alam tiada
Menghidu bunga racun berbisa
Lemah gigil tiada berdaya
Lemah gigil tiada bermaya

Hapuskan dadah musuh kita
Jangan sampai berleluasa
Dalam mencari kebahagiaan
Mari bersatu, saling membantu
Bersama menghapuskannya

Bangkit teman semua
Dari ancaman bahaya
Bersihkan rohani jasmani
Semoga sihat sepanjang hari
Semoga sihat sepanjang masa

## KAU YANG SATU

Kaulah yang Maha Esa
Kaulah yang Maha Pengasih
Kaulah yang Maha Penyayang
Tiada hidup tanpaMu

Kaulah yang Maha Agung
Kaulah yang Maha Mengetahui
Tuhan dunia akhirat
Tiada aku tanpaMu

Bilaku rasa pilu, bilaku rasa resah
Bilaku kekosongan
Kau tempatku mengadu oh Tuhan
Yang Satu
Engkau Tuhan yang Satu

Segala puji pujianku tujukan padaMu
PadaMu
Dan hidup dan matiku hanyalah
UntukMu ... untukMu ... untukMu

## DALAM BERCINTA

Anak muda bercinta
Orang tua buat bodoh saja
Anak muda bermesra
Orang tua kini curiga

Jaga-jaga tatasulila anak muda dalam bercinta
Jangan sampai terpedaya terpedaya

Dari itu kita harus waspada
Andai dalam bercinta
Jaga awas dari api yang menyala
sebelum ia membakar

## LAHIRNYA SEBUAH PUISI

Terketar-ketar jemariku
Menyusun kata dan irama
Melahirkan sebuah puisi
Untuk insan yang dalam kehausan

Lahirnya sebuah puisi
Bukanlah nama jadi ukuran
Tapi hadir kerelaan hati
Kerana sehelai benang keinsanan

Diriku ini hanyalah sehelai kain usang
Caci dan hina sentiasa dibahuku
Aku rela .....

Lidah adalah hatiku
Hati adalah lidahku
Andai terpisah keduanya
Terlebih dahulu aku yang durhaka

Sejatinya sebuah puisi
Sempurna dalam pandangan
Sempurna segala tujuannya
Menyakinkan setiap insan
Yang mendengar

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

1. **DELIMA**
   Suhaime Roa
2. **PERJALANAN HIDUP**
   Dr. Wan Zawawi Ibrahim
3. **MANUSIA**
   Ramli Sarip
4. **ORANG KOTA**
   M. Fazil
5. **KUMILIKI BAYANGMU**
   (Nyanyian bersama Khadijah Ibrahim)
   Noorsham M. Salleh Khan
6. **TERJERAT**
   Suhaime Roa
7. **DADAH MERBAHAYA**
   Ramli Sarip
8. **KAU YANG SATU**
   (Lagu dipetik dari filem "Tsu Feh")
   Mohd. Nasir Mohamed
9. **DALAM BERCINTA**
   Ramli Sarip
10. **LAHIRNYA SEBUAH PUISI**
    Mohd Bakri Johari

Semua lagu adalah hakmilik Dunia Muzik WEA Sdn. Bhd. kecuali * hakmilik Intersong Far East Pte. Ltd.
Penerbit: **RAMLI SARIP**
Susunan Muzik: **RAMLI SARIP**
Jururakam: **AH HUAT** di Quad Studio, Singapura.



***Salam Sejahtera***

Di album ketiga yang diberi judul:
**"PERJALANAN HIDUP"**

Aku ingin mengambil kesempatan di ruang ini, buat melahirkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada:
**Wan** (Sweet) **Ahmad** di dalam electric guitar solo, electric rhythm, guitar bass dan sedikit sebanyak sentuhan alat alat keyboards. Terima kasih sekali lagi dan rock terus rock!
Selamat datang dan semuga bahagia kepada saudara baru, **Mohd. Reduan b. Abdullah (NALIN)** kerana pukulan drum yang bersemangat.
Kepada **Ismail Marzuki** kerana strings dan Horns arrangement dan tahniah di atas kelembutan petikan guitar acoustic yang dikumiakan padamu, serta perjuangan dan doamu selama ini.
**"Kam Sia"** buat Lim Sin Yeo kerana tiupan **"DI ZI"** (Seruling Bambu) yang sungguh memilukan dalam lagu **"Perjalanan Hidup"**.
Juga kepada **Khadijah Ibrahim** kerana kehadiranmu dalam **"Kumiliki Bayangmu"**.
Pada semua teman-teman yang terlibat secara lansung atau tidak dalam menjayakan album ini.
... dan paling istimewa untuk seluruh peminat di pelusuk tanah air yang mana sokonganmu menguatkan perjuanganku...

**"KESENIAN JUGA SATU KEBAKTIAN"**

**RAMLI SARIP**

wea COMPACT disc DIGITAL AUDIO

℗ 1987 WEA RECORDS SDN BHD
© 1995 WARNER MUSIC (MALAYSIA) SDN BHD
A WARNER MUSIC GROUP COMPANY

PERHATIAN: SEMUA HAK PENGELUARAN DAN PEMILIK KERJA-KERJA RAKAMAN INI ADALAH TERPELIHARA. OLEH ITU PERSEMBAHAN DI KHALAYAK RAMAI, PENYIARAN ATAU PENIRUAN TANPA KEBENARAN RAKAMAN INI ADALAH DILARANG.

All Rights Reserved



All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

**RAMLI SARIP** - Perjalanan Hidup




**YUSNI HAMID** - Senandung Lagu Melayu



**RAMLI SARIP** - Istilah




**LEFTHANDED** - Seruan




**RAMLI SARIP** - Ramli Sarip




**LEFTHANDED** - Keadilan



**RAMLI SARIP** - Bukan Kerana Nama




**SWEET CHARITY** - Sejuta Wajah




**FRAN** - Sekadar Di Pinggiran




**SWEET CHARITY** - Pelarian




**KHADIJAH IBRAHIM** - Kupendam Sebuah Duka




**SWEET CHARITY** - Sweet Charity




All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

**ELLA** - Kesal



**JAMAL ABDILLAH** - Sendiri




**ELLA** - Pengemis Cinta



**JAMAL ABDILLAH** -
Layang-layang



**ELLA** - Puteri Kota



**JAMAL ABDILLAH** -
Perpisahan Tanpa Relamu




**JAMAL ABDILLAH** -
Sepi Seorang Perindu




**JAMAL ABDILLAH** -
Derita Cinta




All Rights Reserved, National Library Board, Singapore




All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

*Siri Legenda*



1. DELIMA 3:40 2. PERJALANAN HIDUP 4:53 3. MANUSIA 4:34

4. ORANG KOTA 4:46 5. KUMILIKI BAYANGMU 4:35

6. TERJERAT 5:06 7. DADAH MERBAHAYA 4:39

8. KAU YANG SATU 4:48 9. DALAM BERCINTA 4:30

10. LAHIRNYA SEBUAH PUISI 4:21

COMPACT disc DIGITAL AUDIO

℗ 1987 WEA RECORDS SDN BHD © 1995 WARNER MUSIC (MALAYSIA) SDN BHD A WARNER MUSIC GROUP COMPANY

TERBITAN & EDARAN: WARNER MUSIC (MALAYSIA) SDN BHD, 9th FLOOR, MUI PLAZA, JALAN P. RAMLEE 50250 K. LUMPUR.

PERHATIAN: SEMUA HAK PENGELUARAN DAN PEMILIK KERJA-KERJA RAKAMAN INI ADALAH TERPELIHARA. OLEH ITU PERSEMBAHAN DI KHALAYAK RAMAI, PENYIARAN ATAU PENIRUAN TANPA KEBENARAN RAKAMAN INI ADALAH DILARANG.

National Library Board, Singapore

RAMLI SARIP Perjalanan Hidup

4509 - 99240 - 2

RAMLI SARIP Perjalanan Hidup

4509 - 99240 - 2